

ANTARA KARMA, QADAK DAN QADAR: KEPERCAYAAN DALAM ISLAM

BETWEEN KARMA, QADAK AND QADAR: A BELIEF IN ISLAM

Nurul Hidayah Aziz^{1*}
Mohd Syukri Mohd Noor²
Norazmi Anas³
Shahril Nizam Zulkipli⁴
Mohd Farhan Abd Rahman⁵

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia,
(E-mail: nurul863@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah, Campus, Malaysia,
(Email: syukri484@uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia,
(Email: norazmianas@uitm.edu.my)

⁴Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Tapah Campus, Malaysia,
(Email: shah4107@uitm.edu.my)

⁵Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia,
(Email: farhan84@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Aziz, N. A., Noor, M. S. M., Anas, N., Zulkipli, S. N.,
Rahman, M. F. A. (2025). Antara karma, qadak dan
qadar: Kepercayaan dalam islam. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74),
10 (75), 529 – 545.

Abstrak: Penentuan takdir manusia adalah subjek yang sering dibincangkan oleh kepercayaan agama mengenai siapakah yang mengawal kitaran hayat sama ada diputuskan oleh Tuhan atau manusia. Sebahagian ajaran bersetuju bahawa manusia mempunyai kawalan muktamad ke atas kehidupan kerana kebebasan memilih adalah pilihan mutlak manusia. Sebaliknya, terdapat ajaran meletakkan ketentuan Tuhan sebagai penentu yang lebih baik untuk manusia. Walau bagaimanapun, perdebatan kepercayaan antara takdir dan kebebasan memilih menimbulkan salah faham dalam kepercayaan agama sehingga penganut menyamakan konsep karma wujud dalam kebanyakan agama yang merupakan implikasi pluralisme. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pemahaman asas tentang qadak dan qadar menurut Islam, dan diteruskan dengan meneroka perbincangan karma dalam kepercayaan terpilih khususnya Hinduisme dan Buddhisme, seterusnya menganalisis perspektif takdir tuhan mengikut kepercayaan ketiga-tiga agama tersebut. Metodologi kajian artikel menggunakan analisis kualitatif, bermula dengan mengumpul data daripada sumber primer dan sekunder termasuk pangkalan data perpustakaan. Juga, melalui analisis kandungan yang memfokuskan kepada jurnal terpilih untuk mengumpul maklumat mengikut kepercayaan Islam, Hinduisme dan Buddhisme. Hasil kajian menunjukkan kepercayaan qadak dan qadar dalam Islam adalah berdasarkan ketetapan Allah SWT dan keharmonian hubungan-Nya dengan manusia. Ianya bertentangan dengan pemahaman karma sebagaimana dalam ajaran Hinduisme dan Buddhisme; manusia memiliki hak mutlak untuk mengesahkan kitaran hidup

melalui kebebasan memilih. Kajian ini penting bagi memperhalusi pemahaman tentang karma adalah sebahagian daripada ajaran Hinduisme dan Buddhisme, bahkan istilah karma tidak pernah wujud dalam Islam kerana pegangan kepada qadak dan qadar. Justeru, kajian ini membawa kepada keharmonian beragama sebagai lambang toleransi terhadap kepercayaan agama masing-masing.

Kata Kunci: *Buddhisme, Hinduisme, Karma, Qadak, Qadar*

Abstract: *The determination of man's predestination is a subject frequently discuss by religious beliefs either decides by God or man, of whom regulate the lifecycle. Selected beliefs agreed that man has the ultimate control over his life as free-will is in their options. Whereby, others concern God has a better preference for man. However, exchanged belief between predestination and free-will then, creates a misunderstanding between religious beliefs where believers connect an understanding that karma existed in Islam as the implication of pluralism. The objectives of the article are to identify the basic understanding of qadak and qadar in Islam, then proceed to explore the discussion of karma in selected beliefs specific to Hinduism and Buddhism, yet to analysis the perspectives of predestination between tripartite beliefs. The article applies qualitative analysis, from collecting data from primary and secondary sources of library databases. Thru content analysis, focusing on selected journals interpret findings in Islam, Hinduism and Buddhism beliefs. The result presents qadak and qadar belief in Islam is a God-man determination. It is contrary to the understanding of karma in Hinduism and Buddhism where man verifying his lifecycle thru free-will. This article is notable in order to refine the understanding of karma is a part of Hinduism and Buddhism indeed the interpretation of karma in Islam is never existed because of believes in qadak and qadar. Hence, the article produces a religious harmonization as a symbol of tolerance with regard to the respective beliefs.*

Keywords: *Buddhisme, Hinduisme, Karma, Qadak, Qadar.*

Pengenalan

Manusia mempunyai pilihan dalam menentukan perjalanan kehidupan dunia kerana diberi kebebasan memilih (*freewill*) bahkan panduan etika mengenai maksud kebenaran terpaksa digariskan, sehingga memberi kesan kepada perbahasan mengenai syurga dan neraka. Agama-agama yang diturunkan melalui wahyu percaya bahawa Tuhan tidak bersifat jahil mahupun mencampuri keputusan yang dipilih oleh manusia, walaupun manusia sendiri berdepan dengan masalah berkaitan lingkungan keterbatasan pengetahuan dan pengalaman. Justeru, kesempurnaan sifat Tuhan dapat dibuktikan manakala manusia hanya mempelajari daripada kesilapan dan ketidaktepatan keputusan.

Islam percaya kepada ketiadaan kekuatan makhluk selain daripada Allah SWT walau bagaimanapun, manusia masih memiliki kebebasan untuk memilih sebagai bukti kebenaran dan kebesaran Allah SWT. Campur tangan Allah SWT ke atas tindakan manusia adalah kaedah terbaik bagi mengembalikan manusia daripada terjerumus ke lembah kejahatan, tetapi juga sebagai lambang keadilan Allah SWT. Allah SWT tidak pernah membenarkan manusia melakukan kejahatan sebagaimana kemurkaan-Nya ke atas perbuatan syaitan, walaupun Dia menyerahkan kebebasan memilih kepada makhluk ciptaan-Nya. Oleh itu, manusia sentiasa mencuba pelbagai alternatif yang membawa kepada penetapan dan kebenaran etika.

Bagi mengelak pertembungan pelbagai standard etika yang ditentukan oleh manusia, Allah SWT menyatakan kebenaran melalui penurunan kitab suci-Nya yang terpakai kepada semua manusia tanpa memihak kepada golongan tertentu. Sebagai bukti keadilan Allah SWT, Islam membahaskan kebebasan memilih, seterusnya menghubungkan peranan antara tuhan dan manusia. Fahaman karma misalnya dalam ajaran Hinduisme dan Buddhisme lebih memfokus untuk mengimbangi hubungan sosial antara penganut (Lehtonen, 2023), selain mendisiplinkan manusia daripada terus melakukan kejahatan akibat perbuatan sebab dan akibat.

Karma dibentuk melalui tindakan moral (*dharma*) dan kesan kerohanian (*dhamma*) masa lalu yang memimpin kehidupan semasa. *Dharma* dan *dhamma* menetapkan perbuatan dan perbuatan yang baik sesuai dengan kitaran karma bagi seseorang untuk melepaskan diri daripada *samsara* (kitaran kehidupan). Seterusnya, penganut perlu mencapai *moksha/nirwana* (keadaan melepaskan diri dari kitaran kehidupan), dan bagi ajaran Hinduisme, peringkat terakhir adalah untuk memperolehi *atman* (bersatu dengan tuhan) (Ghose, 2007). Sementara itu, qadak dan qadar dalam perspektif Islam adalah untuk menjelaskan hubungan di antara Allah SWT dan manusia. Setiap keputusan dan tindakan yang diambil oleh manusia telah termaktub dalam lingkungan ilmu Allah SWT, Yang Maha Mengetahui segala tindak tanduk perbuatan makhluk. Allah SWT telah menentukan destinasi manusia yang paling sesuai dengannya, bahkan memberi peluang kebebasan memilih, melalui rahmat-Nya, dengan kelebihan akal dan kecerdasan yang dianugerahkan kepada manusia.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasi metodologi kualitatif iaitu pengumpulan data daripada sumber primer dan juga sumber berkaitan untuk menyokong kajian ini. Melalui pelbagai koleksi artikel daripada jurnal, kertas persidangan dan buku dianalisis berkaitan dengan subjek kajian. Kajian ini memberi tumpuan kepada penerokaan konsep takdir dan kebebasan memilih terhadap ajaran terpilih iaitu Hinduisme, Buddhisme dan Islam. Seterusnya, kajian ini mencari persamaan antara Hinduisme, Buddhisme dan Islam mengenai takdir dan kebebasan memilih. Mengikuti perkembangan sejarah awal, Hinduisme dan Buddhisme memperuntukkan konsep kebebasan memilih melalui konsep karma dengan membebaskan diri daripada kesengsaraan dan penderitaan dan keinginan dunia. Jadi, terdapat persamaan dan perbezaan karma dalam ajaran Hinduisme dan Buddhisme. Sementara itu, Islam membentangkan perkaitan hubungan antara Allah SWT dan manusia dari konsep qadak dan qadar dan kebebasan memilih yang berbeza dengan kedua-dua ajaran yang dinyatakan di atas. Oleh itu, kajian ini dianalisis untuk memahami konsep karma, qadak dan qadar sebagaimana yang dicadangkan dalam Islam, seterusnya menghubungkan konsep keadilan Allah SWT kepada manusia. Analisis kandungan dilakukan untuk mencari pemahaman tentang karma kerana terdapat salah faham bahawa karma turut terdapat dalam agama Islam oleh sebahagian penganut Islam (Aiman, 2022). Kesimpulannya, kajian ini memberikan pemahaman asas tentang karma dalam ajaran Hinduisme dan Buddhisme, juga pengetahuan menyeluruh tentang qadak dan qadar dalam Islam yang berbeza daripada konsep karma.

Hasil Kajian

Qadak Dan Qadar: Kefahaman Asas Islam

Kebebasan memilih merujuk kepada keupayaan manusia untuk membuat pilihan dan keputusan secara bebas tanpa melalui tekanan dan paksaan luar. Islam menegaskan manusia adalah individu yang diberi keupayaan untuk memilih setiap tindakan dan menentukan tingkah laku mereka. Individu bertanggungjawab di atas pilihan dan tindakan yang dipilih, dan mempunyai

kebebasan untuk menerima atau menolak, mengikut kepada prinsip agama dan moral, seterusnya membentuk nasib. Islam telah mengemukakan konsep qadar (kebebasan memilih) dan qadar (ketetapan takdir), juga merupakan rukun iman keenam, menjelaskan takdir yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada makhluk-Nya serta peranan manusia khususnya dalam memilih secara bebas.

Konsep Qadar

Takrifan qadar meliputi konsep takdir atau ketetapan Ilahi dalam Islam. Ia merujuk kepada pengetahuan awal dan ketetapan Allah SWT atas segala sesuatu, masa lalu, sekarang, dan akan datang. Umat Islam percaya bahawa segala yang berlaku adalah mengikut perancangan dan ketetapan Allah SWT (Yasien M., 2006), dan tiada apa yang berlaku di luar pengetahuan dan izin-Nya. Malahan, qadar merangkumi kepercayaan bahawa Allah SWT telah menetapkan segala-galanya berdasarkan kebijaksanaan dan pengetahuan-Nya yang tidak terhingga termasuk tindakan dan akibat perbuatan manusia.

Konsep qadar juga mendorong umat Islam untuk mempercayai kebijaksanaan dan rahmat Allah SWT. Walaupun konsep tersebut dilihat tidak dapat difahami bahkan tidak memberi keuntungan kepada manusia, menurut pandangan Syed M. H. (2006), kepercayaan yang betul kepada qadar, adalah perancangan untuk manusia yang telah diatur oleh Allah SWT serta kebebasan memilih untuk bertindak atas kurniaan belas ihsan-Nya. Umat Islam digalakkan untuk menerima ketetapan Allah SWT dengan sabar, patuh dan tunduk di atas kemahuan-Nya.

Penerimaan ini tidak membayangkan sifat pasif atau fatalisme tetapi lebih mempercayai kepada kebijaksanaan Allah SWT dalam menerima secara terbuka dengan rasa syukur dan rendah diri. Tambahan lagi, kepercayaan ini memberi ketenangan dan kekuatan ketika manusia berada dalam keadaan kesukaran dan kesusahan. Ia membantu orang beriman menghadapi kehilangan, cabaran, ketidakpastian, dan mengetahui bahawa segala-galanya berlaku mengikut kehendak dan rancangan Allah SWT.

Walaupun manusia mampu melaksanakan keputusan dengan kebebasan yang dimiliki, al-Quran dan as-Sunnah tetap menjadi panduan utama sebagai jalan untuk mempertimbang keputusan terbaik selaku manusia, makhluk ciptaan Allah SWT yang paling sempurna. Jadi, setiap pilihan dan keputusan yang dibuat oleh manusia telah sedia maklum bahkan diketahui oleh Allah SWT. Ketetapan yang sedia ada dalam pengetahuan Allah SWT, adalah pilihan yang akan dibuat oleh manusia kerana sejauh mana pilihan yang diberikan oleh Allah SWT menunjukkan tanda keadilan dan kebesaran ilmu Allah SWT. Ini membuktikan ilmu Allah SWT melangkaui kehendak dan pengetahuan manusia. Setiap kali manusia membuat kata putus daripada kebebasan membuat pilihan, maka Allah SWT telah lebih awal mengetahui keputusan yang bakal diambil oleh manusia sebagaimana mafhum firman Allah SWT:

“Kepada sesiapa di antara kamu yang mahu berjalan lurus”.

(al-Takwir: 28)

Ringkasnya, qadar adalah konsep asas dalam Islam yang menekankan pengetahuan, kehendak, dan ketetapan Allah SWT yang lengkap atas segala sesuatu. Ia membentuk sudut pandang Islam (*Islamic worldview*) dan cara hidup seorang Muslim, menekankan kepercayaan kepada kebijaksanaan Allah SWT, penerimaan ke atas ketetapan dari-Nya, dan ketabahan iman, malahan melaksanakan sesuatu perbuatan bersandarkan syariat yang telah digariskan.

Konsep Qadak

Qadak adalah perlaksanaan manusia berdasarkan ketentuan (qadar) Allah SWT (Legenhausen, 2021). Perumpamaan yang lebih tepat, qadak ialah proses dan perbuatan secara praktikal dalam melaksanakan qadar Allah SWT (teori). Pengaplikasian ketetapan itu apabila tiba masanya dipanggil sebagai qadak. Ini bermakna, qadar berlaku dahulu sebelum qadak. Ini bersesuaian dengan mafhum firman Allah SWT:

“Sesungguhnya segala sesuatu Kami ciptakan dengan takdir.”

(Al-Qamar:49)

Pembahagian qadak menjadi perbincangan dalam kalangan ulamak Islam. Qadak terbahagi kepada dua iaitu *qadak muallaq* dan *qadak mubram* (Wahib, 2003). *Qadak mubram* merujuk ketentuan sejak sebelum kelahiran (qadar). Ia meliputi kelahiran, kematian, rezeki, pertemuan, serta nasib baik buruk seseorang yang telah ditentukan. Perihal ini telah dicatat di Luh al-Mahfuz, sebelum kewujudan alam ini, bahkan tidak dapat diubah perinciannya (Muhammad Noor, 1987):

“Sesungguhnya Allah telah melantik malaikat berkenaan dengan berbagai peringkat kejadian bayi dalam kandungan ibu dan keadaan yang akan dilalui. Apabila air mani itu jatuh ke dalam rahim, malaikat bertanya, “Wahai Tuhanku, adakah air mani ini sempurna, wahai Tuhanku, sempurnakah tumbuhnya benih ini, wahai Tuhanku, atau tidak? berkembang atau tidak?” Dan, apabila Allah menghendaki untuk diciptakan seorang anak, malaikat akan bertanya lagi, “Wahai Tuhanku, adakah dia akan menjadi orang (yang takdirnya) buruk atau baik? Lelaki atau perempuan? Apakah rezekinya dan nasibnya?” (seterusnya menjawab) Malaikat menulis apa yang diperintahkan, sedang bayi itu masih dalam kandungan ibunya”.

(Hadis Riwayat Bukhari, Muslim dan Imam Ahmad)

Manakala *qadak muallaq* pula membincangkan tentang kemampuan melaksanakan takdir melalui kebebasan memilih yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia. Ia bergantung kepada usaha individu dalam memutuskan kaedah terbaik untuk memperoleh kematian dan kelahiran yang baik, malahan menentukan arah kehidupan dunia yang memberi kesan kepada alam Akhirat. Sebagaimana mafhum firman Allah SWT:

“Bagi tiap-tiap (orang itu) ada (malaikat) berturut-turut, di hadapan dan di belakangnya: Mereka menjaganya dengan perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubahnya sendiri (dengan jiwa mereka sendiri). Tetapi apabila (sekaligus) Allah SWT tidak dapat mengazab sesuatu pun, mereka tidak dapat membalasnya. carilah, selain Dia, sesiapa pun untuk dilindungi.”

(Al-Ra’d: 11)

Terdapat salah faham mengenai qadak dan qadar bahawa sesetengah manusia beriman percaya bahawa Allah SWT telah menentukan garis perjalanan kehidupan sebagaimana pandangan golongan Jabariyyah, justeru individu hanya perlu menjalani kehidupan tanpa sebarang usaha untuk berubah menjadi lebih baik. Pandangan ini akan mewujudkan keadaan kemunduran dalam kehidupan manusia kerana kepercayaan tersebut bersifat statik. Hakikatnya, bagi manusia beriman, meyakini bahawa setiap perbuatan buruk yang dilakukan manusia telah

diketahui oleh Allah SWT dan manusia tidak dapat mengundur kembali tindakan tersebut walaupun telah diberikan kebebasan membuat pilihan. Teras qadak dan qadar adalah segala sesuatu berada dalam kehendak dan ilmu Allah SWT. Mafhum firman Allah SWT:

"Tetapi kamu tidak akan menghendaki, melainkan mengikut kehendak Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

(Al-Insan: 30)

Juga, sebahagian pandangan yang lain khususnya golongan Qadariyyah menyatakan manusia perlu percaya dan bergantung kepada takdir yang ditentukan oleh mereka sendiri iaitu satu tindakan mutlak yang diputuskan oleh manusia, dan tidak dikendalikan sepenuhnya oleh Allah SWT. Individu yang berpandangan tersebut percaya bahawa kejayaan yang dicapai adalah kerana usaha untuk berjaya, bukan kerana kurniaan rahmat daripada Allah SWT. Ia adalah usaha murni tindakan manusia sendiri tanpa dipengaruhi manusia lain dan Allah SWT. Oleh itu, manusia bebas menentukan jalannya sendiri. Kekhilafan ini adalah suatu kejahilan yang membawa kepada pemikiran 'fungsi' Allah SWT sebagai tuhan yang membawa ketidakadilan terhadap makhluk-Nya (apabila tuhan mencampuri urusan manusia). Dan, mengapa Allah menciptakan manusia jika Dia menciptakan malaikat; makhluk yang tunduk kepada perintah-Nya tanpa sebarang bantahan.

Hubungkait Qadak Dan Qadar

Takrifan qadak dan qadar membawa maksud tersendiri bahkan saling melengkapi, bergandingan dan tidak terpisah secara berasingan (Wan Fariza Alyati, 2015). Kesemuanya berada dalam ilmu Allah SWT Yang Maha Hadir dan Maha Mengetahui kerana keputusan-Nya adalah yang paling sesuai untuk semua ciptaan-Nya (Wan Fariza Alyati, 2015). Mafhum firman Allah SWT:

"Kami tidak mengutus rasul melainkan (untuk mengajar) dengan bahasa kaumnya, untuk menerangkan (sesuatu) kepada mereka. Sekarang Allah menyesatkan orang yang Dia kehendaki dan memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki, dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(Ibrahim: 4)

Individu bebas untuk menentukan nasibnya tanpa paksaan bahkan tiada desakan dari individu lain oleh itu, bertanggungjawab untuk memaksimumkan usahanya ke arah kejayaan selaras dengan perintah Allah SWT iaitu peraturan-peraturan seperti mana yang dinyatakan dalam mafhum firman Allah SWT:


"Tiada musibah yang boleh berlaku di bumi atau di dalam jiwa kamu melainkan telah tercatat di dalam ketetapan sebelum Kami menetapkannya: "Sesungguhnya tidak mudah bagi Allah untuk mewujudkannya: perkara-perkara yang kamu lalui, dan janganlah kamu bergembira atas nikmat yang dianugerahkan kepadamu, kerana Allah lebih mengasihi daripada setiap orang yang membanggakan diri."

(Al-Hadid: 22-23)

Walaupun usaha yang dilakukan oleh individu sepenuhnya mungkin tidak membuahkan hasil seperti yang diinginkan, Islam berpandangan bahawa ada keperluan untuk menganalisis (muhasabah) kesilapan yang telah dilakukan, dengan diberikan ruang, peluang dan cadangan untuk penambahbaikan seperti mafhum firman Allah SWT:

“Wahai anak-anakku! Pergilah kamu dan selidiki tentang Yusuf dan saudaranya, dan jangan sekali-kali berputus asa daripada Tuhan Yang Maha Penenang, yang tidak mempunyai Rahmat Allah yang benar-benar Maha Penenang: iman.”

(Yusuf: 87)



Rajah 1: Qadak dan Qadar Dalam Islam

Karma Menurut Pandangan Hindusime

Bagi ajaran Hinduisme, kehidupan sekarang (*present day*) adalah akibat dari perbuatan masa lalu. Karma, atau dikenali sebagai *cetana* dalam teks tertentu bermaksud tindakan (Ghose, 2007), berakar umbi di India Utara ketika arus kemajuan Tamadun Gangga. Karma adalah bahagian teras kepercayaan dalam banyak ajaran seperti Hinduisme dan Buddhisme. Semua makhluk hidup bertanggungjawab atas tindakan mereka dan hasil tindakan mereka.

Karma berasal daripada perkataan *kr* yang diambil daripada perkataan Sanskrit, bermaksud menggerakkan atau melakukan perbuatan mereka, juga daripada perkataan *kamma* dalam bahasa Pali. Dari sudut istilah, perkataan karma digunakan dalam teks klasik Buddhisme untuk menunjukkan tindakan berdasarkan kehendak. Tindakan ini mungkin baik secara moral (*kusala*), jahat secara moral (*akusala*) atau neutral secara moral (*avyākata*). Ia juga tindakan yang dapat diungkapkan dalam tingkah laku fizikal (*kāyakamma*), lisan (*vacī-kamma*) dan psikologi (*mano-kamma*) (Husnol & Muhammad, 2023).

Karma menentukan apa yang akan terjadi kepada setiap jiwa untuk jangka hayat seterusnya. Fahaman tersebut lahir akibat perbuatan baik dan jahat masa lalu yang telah dilakukan dalam setiap kitaran kehidupan (Lehtonen, 2023). Ajaran Hinduisme percaya bahawa kehidupan penuh dengan kesengsaraan, menyumbang kepada *samsara* iaitu kitaran kelahiran, kematian dan kelahiran semula. Individu terpaksa melalui hakikat kemiskinan, kesusahan, penderitaan, keperitan, kesakitan, kelaparan, penyesaan, kematian, ujian dan kesusahan yang melingkari kehidupan, tambahan pula didesak oleh kehendak nafsu dan keinginan dunia. Penderitaan

berpunca daripada pemikiran dan tindakan masa lalu, sama ada dalam kehidupan ini atau kehidupan sebelumnya.

Penderitaan yang sentiasa ditanggung dalam kitaran kehidupan, sebagaimana ajaran Hinduisme, maka para penganut perlu ‘membayar’ atau membatalkan tindakan negatif pada masa lalu. Individu perlu mengawal dan melepaskan nafsu serta keinginannya supaya sentiasa melakukan kebaikan kepada dirinya dan orang lain. Ia adalah satu proses melatih diri untuk membebaskan diri daripada nafsu dan keinginan, dan dengan itu, akan mencapai *nirwana* (pencerahan) i.e. suatu keadaan pembebasan manusia daripada nafsu dan keinginan.

Ajaran Hinduisme membimbing individu untuk mencari kaedah yang betul bagi menggapai pencerahan dan kesedaran diri. Individu harus melepaskan diri daripada keinginan semata-mata untuk memperoleh *nirwana*. Dirinya perlu sentiasa sehati melakukan perbuatan baik, dan melarang dirinya daripada menyumbang kepada perbuatan buruk kerana keinginan dunia membawa kepada kebinasaan. Pada peringkat ini, individu perlu membebaskan jiwa daripada sebarang jenis pilihan atau bersikap toleransi sifar terhadap keinginan yang dikehendaki seterusnya mampu untuk mencapai ketenangan.

Moksha adalah tahap pembebasan individu daripada kitaran kelahiran sehingga memperoleh tahap *atman*. Pada tahap *moksha*, individu telah mencapai kesempurnaan hidup iaitu tahap kesucian batin dan kebaikan moral sesama manusia dan makhluk. Dengan kata lain, individu telah mencapai kesempurnaan hidup dan tidak didasari dengan keinginan duniawi (Husnol & Muhammad, 2023). *Atman* pula merupakan keadaan di mana individu menyedari tentang hakikat diri, terikat serta bersatu i.e. jiwa yang kekal, merupakan matlamat utama penganut Hinduisme. Bagi individu yang mencapai *nirwana* dan memperoleh *atman*, maka dia tidak akan dilahirkan semula atau menjelma semula untuk kitaran hidup seterusnya kerana dia telah berjaya membebaskan nafsu dan keinginannya.

Pemahaman utama karma adalah untuk menghapuskan keinginan individu dalam lingkaran kehidupan. Karma adalah hasil yang diperoleh dengan melatih diri melakukan perbuatan baik dan mendidik diri daripada melakukan perbuatan buruk. Sebaliknya, jika individu sentiasa memenuhi kehendak nafsu, maka kitaran kelahiran semula akan kekal sehingga individu tersebut mempelajari kesilapan yang telah dilakukan. Oleh itu, kehidupan individu merupakan satu bentuk latihan melepaskan diri dari *samsara*, mencapai *nirwana* sehingga memperoleh *atman*. Bagi individu yang berkelakuan baik, diberi ganjaran status *atman*, merupakan titik pengakhiran kehidupan manusia. Namun, bagi individu yang menyeimbangkan antara perbuatan baik dan buruk, maka individu tersebut perlu menyucikan diri untuk kehidupan seterusnya malahan sentiasa melatih diri melakukan kebaikan daripada kesalahan. Karma merupakan salah satu kaedah untuk melahirkan warganegara yang baik serta penganut yang patuh untuk bersama dengan tuhan.

Begitu juga, khususnya ajaran Hinduisme, karma akan mempengaruhi hierarki, kasta (Thrane, 2010), jantina, umur bahkan penciptaan kejadian manusia. Jika individu telah menjalani kehidupan yang baik dan melakukan banyak perbuatan baik daripada yang buruk, maka individu tersebut akan dilahirkan dalam kewujudan yang lebih bertuah. Terdapat lima kasta dalam agama Hindu iaitu Brahmin, Khsatriya, Waisya, Kshudras dan Dalit. Pada asasnya, seorang kasta Brahmin perlu sentiasa berwaspada ke atas setiap perbuatannya untuk mencapai *atman*, atau jika dia mengingkari atau gagal melaksanakan perbuatan baik, bermungkinan

dilahirkan semula dalam keadaan lebih parah seperti sebagai ular di atas tindakan perbuatan buruknya yang lalu.

Karma Daripada Perspektif Buddhisme

Terdapat titik persamaan bagi kedua-dua ajaran tersebut iaitu kepercayaan bahawa segala bentuk perbuatan sekarang akan mencipta masa depan/kelahiran seterusnya. Namun, berbeza dengan ajaran Hinduisme, tidak wujud konsep *atman* dalam ajaran Buddha. Ajaran Buddhisme percaya dengan mengamalkan *dhamma* atau *dharma* boleh menyumbang kepada perbuatan baik dan individu tidak akan melalui kelahiran semula atau penjelmaan semula. Ia tidak hanya merangkumi pelaksanaan perbuatan yang betul tetapi juga berkait dengan keadaan mental dan kerohanian (Ghose, 2007) seseorang. Oleh itu, Buddhisme percaya kepada kesedaran secara berterusan (*continuous consciousness*) dan bukan pada jiwa yang kekal (*eternal soul*).

Bagi ajaran Buddhisme, individu mudah tertarik dengan keinginan dunia, maka kesedaran terhadap tanggungjawab dengan melakukan perbuatan baik serta menghalang diri, jiwa dan minda dari melakukan perbuatan yang salah perlu diambil tindakan. Ajaran Buddhisme juga lebih menekankan kepada pembersihan minda malahan jiwa bagi melepaskan keinginan seterusnya mencapai pencerahan. Ia adalah satu langkah jelas untuk memupuk kesedaran diri tentang betul dan salah. Tambahan, jika individu berjaya mendapat pencerahan, maka diri akan terlepas daripada penjelmaan semula. Sebagaimana ajaran Hinduisme, apabila individu melepaskan dirinya daripada melakukan perbuatan buruk, individu tersebut akan mencapai *moksha* atau dalam ajaran Buddha disebut sebagai *nirwana*.

Terdapat tiga langkah dalam ajaran Buddhisme untuk mencari *nirwana*: i) melaksanakan *dhamma*, ii) membersihkan minda dan jiwa, dan iii) membebaskan keinginan dan nafsu individu. Ajaran Buddhisme juga menyediakan garis panduan tertentu merujuk kepada Empat Kebenaran Mulia, Lima Sila dan Jalan Lapan Lapis Mulia untuk memelihara kitaran karma.

Menurut Mark (2021), Empat Kebenaran Mulia (The Four Noble Truth) ialah:

- i. Dunia dipenuhi penderitaan: kesengsaraan adalah elemen wajib yang perlu dilalui dalam kehidupan setiap individu.
- ii. Sebab penderitaan: setiap penderitaan berlaku dengan sebab sebagai akibat daripada perbuatan baik dan jahat yang dilakukan.
- iii. Pengakhiran penderitaan: menjalani kehidupan melalui pelaksanaan *dhamma*, dan meditasi.
- iv. Kaedah menamatkan penderitaan: mencapai *nirvana* i.e. keinginan akan mengakibatkan penderitaan agar kesengsaraan dihentikan.

Manakala ajaran Lima Sila ialah:

Jadual 1: Lima Sila (The Five Precepts)

Lima Sila	Perintah	Larangan
1.	Menghormati semua makhluk	Mendatangkan kecederaan dan pembunuhan nyawa makhluk hidup.
2.	Menekankan kejujuran dan integriti	Mencuri dan mengambil sesuatu yang bukan hak milik.
3.	Menjaga kelakuan dan tanggungjawab seksual	Melakukan salah laku seksual termasuk perzinaan, eksploitasi seksual dan penderaan.

4.	Menjaga kesedaran dalam komunikasi	Penipuan, gossip, fitnah dan pembohongan walaupun untuk mempromosi kebenaran.
5.	Memelihara minda dan pertimbangan akal	Pengambilan bahan dan minuman yang memabukkan sehingga membawa kelalaian termasuk alkohol, minuman keras dan dadah.

Sementara itu, Jalan Lapan Lapis Mulia menggariskan

Jadual 2: Jalan Lapan Lapis Mulia (*The Noble Eightfold Path*)

Jalan Lapan Lapis Mulia			
Bil.	Perintah		Larangan
1.	Pandangan yang Benar	Kefahaman yang betul	Menyingkirkan semua kepercayaan karut, animisme dan konsep pengorbanan kejam terhadap haiwan atau manusia.
2.	Niat yang Betul	Memupuk nilai muhibah dan belas kasihan	Mengelak diskriminasi perkauman, sosial serta membawa bahaya kepada dunia.
3.	Ucapan yang Betul	Komunikasi yang baik, perkataan yang baik dan menyampaikan kebenaran.	Menahan diri daripada ucapan yang kasar, memecah belah serta melalaikan termasuk pembohongan, kemarahan, penderaan, fitnah.
4.	Tindakan yang Betul	Kelakuan beretika	Menjauhkan diri daripada membahayakan makhluk hidup, mencuri dan salah laku seksual. Ia juga termasuk pembunuhan, mencuri, mengikut nafsu dan mabuk bagi mempromosikan kebajikan, kebenaran, perkhidmatan, kebaikan, kejujuran yang merupakan aspek positif dari hak moral.
5.	Kehidupan yang Betul	Mengutamakan kejujuran, beretika dan tidak merugikan orang lain atau diri sendiri.	Menjauhi penderitaan serta melarang manusia memperdagangkan senjata, binatang untuk disembelih, manusia untuk perhambaan atau pelacuran, mengambil minuman dan racun yang memabukkan.
6.	Usaha Betul	Memupuk ketekunan, berusaha membawa aura positif, kesedaran dan tumpuan yang betul. Seseorang perlu sentiasa aktif dan harus menumpukan pada kerja yang betul.	Waspada dalam amalan sambil berusaha untuk meninggalkan keadaan mental yang tidak sihat.

7.	Kesedaran Betul	Menyempurnakan kesedaran dan perhatian yang telus, memerhati keadaan fizikal, perasaan, minda dan fenomena tanpa keterikatan atau keengganan.	
8.	Konsentrasi yang Betul	Mengumpul tumpuan dan kestabilan mental melalui amalan meditasi yang membawa kepada penyerapan dan wawasan yang mendalam.	

Persamaan Dan Perbezaan Antara Karma Dalam Ajaran Hinduisme Dan Buddhisme



Rajah 2: Persamaan Kitaran Kelahiran Semula Mengikut Hinduisme Dan Buddhisme

Kedua-dua ajaran terawal di Selatan Asia ini, walaupun pada dasarnya mempunyai kefahaman yang sama namun, masih terdapat perbezaan daripada sudut tertentu. **Pertama**, kedua-dua ajaran mengakui karma berlaku oleh kerana sebab dan akibat. Karma membentuk kitaran kelahiran sekarang atau seterusnya. Jika individu melakukan kebaikan, maka karma akan dikembalikan semula sebagai kesan atas perbuatan baik. Sebaliknya, melakukan perbuatan salah akan menjejaskan karma, membawa keburukan untuk kehidupan sekarang atau kitaran kelahiran seterusnya. Oleh itu, amalan individu yang akan menentukan arah kitaran hidupnya. Tidak ada gangguan luar yang boleh menentukan atau mengganggu karma individu lain. Karma bergantung secara mutlak atas tindakan yang diambil oleh individu. Adalah menjadi tanggungjawab seorang penganut ajaran Hinduisme dan Buddhisme untuk melakukan kebaikan bagi mendapatkan kitaran kelahiran semula yang lebih baik. Perbincangan berkaitan kitaran kelahiran, kelahiran semula atau penjelmaan semula, ajaran Hinduisme dan Buddhisme percaya penjelmaan semula berlaku kerana individu tidak mengamalkan kebaikan kepada dirinya atau orang lain.

Bagi ajaran Hinduisme, kehidupan sekarang adalah kesan dari masa lalu, manakala ajaran Buddhisme pula, kehidupan sekarang akan mempengaruhi kitaran kelahiran seterusnya. Tambahan pula, ajaran Buddha percaya kehidupan bukan sekadar berkelakuan baik, malah melakukan senaman yang baik merujuk kepada kesedaran mental dan niat yang baik (Bronkhorst, 1998). Ajaran Buddhisme tidak hanya merujuk kepada tindakan yang

mempengaruhi karma semata-mata, malah niat dan keadaan minda sedar turut mempengaruhi konsep karma (Ghose, 2007).

Kedua, kedua-dua ajaran mempunyai tumpuan yang sama terhadap *samsara* (Khatib & Aigerim, 2020). Individu secara berterusan akan mengharungi kitaran *samsara* selagi tidak memperbaiki perbuatannya. Jika individu memperbanyak nilai kehidupan dengan perbuatan baik dan meninggalkan keinginan, dia akan mencapai *nirwana* atau *moksha* yang akan menyisihkan individu tersebut daripada kitaran *samsara*. Bagi menamatkan kitaran *samsara*, individu perlu berkelakuan baik dan menahan diri daripada melakukan keburukan.

Faktor-faktor yang boleh mengganggu proses karma menurut ajaran Buddhisme ialah keterikatan kepada *dukkha* iaitu kesengsaraan seperti kematian, penyakit, kesakitan dan banyak lagi. Manakala ajaran Hinduisme percaya punca *samsara* adalah keinginan seseorang. Bagi sesetengah individu yang berfikiran atau mengambil tindakan licik melalui kelakuan atau melakukan kesalahan untuk mengurangkan kesengsaraan dan keinginan mereka, maka kitaran *samsara* terus berulang selagi dia melakukan keburukan atau kemungkaran semasa kitaran hidupnya. Ini membawa maksud *samsara* hanya boleh dilepaskan dengan perbuatan yang baik dan kaedah yang betul.

Selain itu, karma dalam ajaran Hinduisme akan mempengaruhi aspek tertentu seperti kasta, jantina dan umur. Contohnya, seorang individu dalam kehidupan masa kini dalam kasta bawahan (*shudra*), adalah kesan daripada kitaran *samsara* pada kehidupan lampau; individu yang melakukan kesalahan dari kasta tertinggi (*brahmin*) (Bhatia, 2019). Timbul persoalan adakah karma mempengaruhi sistem kasta? Siapa yang menentukan dan memutuskan sistem kasta jika tidak berkait dengan karma? Adakah kasta sekarang (*present day*) yang diduduki oleh individu kerana perbuatan baiknya yang lalu atau ia juga dipengaruhi oleh undang-undang alam (*natural law*)? Dan, situasi tersebut tidak akan pernah berlaku dalam ajaran Buddhisme kerana ajaran tersebut tidak menekankan sistem kasta.


Ketiga, kedua-dua ajaran yang dinyatakan (Hinduisme dan Buddhisme) berkongsi nilai yang sama melalui konsep *moksha* atau *nirwana*. Setelah individu berjaya memecahkan lingkaran *samsara*, maka individu tersebut boleh mencapai tahap *nirwana* atau *moksha*. Ia merupakan satu bentuk pembebasan diri dari kehendak nafsu seterusnya membawa kepada pemahaman dan mempengaruhi minda sedar. Kewujudan perasaan keinginan hanyalah sebagai satu metod untuk menggerakkan individu kepada peningkatan diri ke arah yang lebih baik.

Malahan bagi ajaran Hinduisme, jika individu memahami konsep penciptaan, maka akan memperoleh *atman*, namun tidak terdapat fahaman tersebut dalam ajaran Buddhisme. Jadi, *atman* adalah keadaan keinsafan diri atau terikat dengan tuhan, sebagaimana dalam ajaran Hinduisme, manusia adalah ciptaan Brahma. Oleh itu, ajaran Hinduisme menetapkan matlamat tertinggi bagi penganutnya ialah mencapai peringkat *atman*, manakala matlamat akhir ajaran Buddhisme ialah memperolehi peringkat *nirwana*; kesedaran minda yang berlaku dan kehidupan bersifat tidak kekal (Loy, 1982).

Perbuatan akan menentukan hasil karma yang berbeza. Kefahaman yang mudah ialah jika individu dalam ajaran Hinduisme mencapai *atman*, maka ianya adalah seolah menikmati 'syurga', manakala bagi ajaran Buddhisme, jika individu mencapai *nirwana*, maka 'syurga' juga adalah hasilnya. Sebaliknya, 'neraka' adalah tempat bagi individu yang tidak melepaskan diri dari kehendak, keinginan dan kesedaran diri, jiwa dan mental bagi kelahiran seterusnya.

Terdapat beberapa keadaan untuk menggambarkan kedudukan syurga dan neraka iaitu (i) individu yang dilahirkan semula sebagai individu baik, serta melakukan perbuatan baik pada kelahiran semula akan memperoleh 'syurga'. Sebaliknya, (ii) dilahirkan semula sebagai individu yang baik tetapi sentiasa melakukan keburukan pada kelahiran semula, kemudiannya akan mendapat ganjaran 'neraka'. Dalam kes (iii) dilahirkan semula sebagai jahat dan terus melakukan perbuatan buruk, 'neraka' juga adalah tempatnya. Dan yang terakhir (iv), dilahirkan semula sebagai buruk dan berjuang melakukan kebaikan, 'syurga' adalah ganjarannya. Justeru timbul persoalan tentang ketepatan dan perbezaan antara yang baik dan buruk.

Akhir sekali, kedua-dua ajaran mempercayai karma dengan aplikasi konsep kebebasan memilih yang sama (Wallace, 2011; Silvestre, 2016). Bagi ajaran Hinduisme dan Buddhisme, keputusan yang diambil oleh individu adalah pilihannya semata-mata tanpa gangguan lain. Bahkan, tanpa campur tangan tuhan sekalipun, iaitu individu bebas memilih dan bertindak sewajarnya. Individu lain berkemungkinan mempengaruhi Keputusan yang akan diambil oleh seseorang individu, tetapi tidak akan terkait dengan perbuatan individu tersebut. Begitu juga tuhan, maka hasilnya adalah kebebasan dan keputusan mutlak adalah milik seorang individu. Individu dibebaskan untuk membuat keputusan dan bertindak, kemudian bertanggungjawab atas perbuatannya termasuk bebas berkelakuan, beraktiviti atau mengambil tindakan supaya memperolehi ganjaran berdasarkan perbuatan baik atau buruknya. Juga, tuhan tidak akan memilih, mengambil bahagian, menyerang atau mencampuri kehendak dan keinginan individu. Selanjutnya, bagi Buddhisme, karma bukan hanya memberi tumpuan kepada perbuatan tetapi juga niat dan kesedaran. Maka, tuhan tidak berkait di dalam dan luar niat, kesedaran dan perbuatan individu. Individu berada di bawah niatnya oleh kesedarannya sendiri, bertindak dan membentuk karma, membebaskan diri dari *samsara*, mencapai *moksha* atau *nirwana* dan, kepada ajaran Hinduisme mencapai *atman*.



Rajah 3: Kitaran Kehidupan Menurut Ajaran Hinduisme dan Buddhisme

Antara Ketentuan Tuhan Dan Kebebasan Manusia: Persoalan Keadilan Predestinasi

Kepercayaan kepada qadar dalam Islam tidak menafikan kebebasan memilih yang ada pada tangan manusia. Umat Islam percaya bahawa Allah SWT telah memberikan manusia keupayaan untuk membuat pilihan dan keputusan. Walaupun manusia mempunyai kebebasan untuk memilih tindakan mereka, keputusan akhirnya ditentukan melalui ketetapan Allah SWT. Juga, kehendak dan kemampuan manusia tidak berlaku tanpa kehendak dan ketetapan Allah SWT, bahkan Dia yang menganugerahkan kemampuan tersebut dan menjadikan manusia membezakan (antara baik dan jahat) seterusnya membuat pilihan.

Namun begitu, sesuatu keputusan yang ditentukan oleh tuhan mahupun manusia, jika menimbulkan konflik pertembungan antara keduanya, maka perbahasan mengenai kebesaran dan kelemahan sifat tuhan akan berlaku, justeru menggambarkan ketidakmampuan dan kesempurnaan tuhan. Sebagai contoh situasi, apabila individu dilahirkan dalam keadaan

sempurna atau tidak sempurna, ia adalah satu takdir/ketetapan yang telah diketahui oleh Allah SWT, dan kemungkinan pilihan tersebut adalah usaha manusia melalui sains seperti pemilihan keturunan melalui pemotongan jujukan DNA (*DNA fragmentation*) sehinggalah kaedah persenyawaan in vitro (IVF).

Ketetapan qadak dan qadar oleh Allah SWT adalah melalui pelaksanaan perintah dan larangan-Nya, malahan manusia masih bebas untuk membuat keputusan dan memilih keutamaan terbaik berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya. Alternatif pilihan yang ditawarkan kepada manusia melalui anugerah akal disertai panduan wahyu sebagai penentu sebelum sesuatu perbuatan diambil. Walau bagaimanapun, terdapat keterbatasan yang perlu diharungi oleh manusia, menggambarkan Allah SWT sebagai Tuhan Yang Maha Mengetahui pilihan manusia, dengan itu Dia menciptakan peraturan untuk melindungi mereka dari kejahatan dan sifat tercela.

Islam percaya bahawa Allah SWT mempunyai pengetahuan yang lengkap dan kawalan ke atas segala-galanya termasuk alam semesta. Setiap tindakan dan pilihan manusia tidak ada yang berlaku tanpa pengetahuan dan kehendak Allah SWT. Walaupun ketetapan Allah SWT adalah mutlak, namun Islam mengakui konsep manusia memiliki kebebasan memilih. Individu mempunyai keupayaan untuk membuat pilihan dan keputusan, malahan bertanggungjawab ke atas tindakan mereka (Hafiz M. S., Khurshid H. R., 2019). Justeru, Islam mengajar kepentingan berusaha dan berikhtiar di samping bergantung kepada petunjuk dan ketetapan Allah SWT.

Jika ditelusuri teori asas karma, ianya bersifat mutlak yang tertakluk kepada sebab dan akibat iaitu sepenuhnya hasil daripada perbuatan individu pada kehidupan lampau dan masa kini. Ia adalah pilihan dan kebebasan memilih bagi individu. Jelas sekali, tuhan tidak akan mencampuri perbuatan manusia, juga tidak berkuasa atas perbuatan individu.

Karma sangat mempengaruhi proses penjelmaan semula bahkan sistem kasta menurut ajaran Hinduisme. Karma bagi ajaran Buddhisme adalah pemurnian tahap kerohanian untuk merasionalkan sebab dan akibat perbuatan individu. Hasil karma akan berlaku pada masa kini tetapi kebanyakannya percaya pada kehidupan masa lalu. Jika ia tidak berlaku semasa kehidupan sekarang, ia pasti akan berlaku dalam kehidupan yang lalu. Justeru, garis panduan untuk membezakan antara baik dan buruk adalah dengan merujuk Jalan Lapan lapis Mulia.

Mendekati semula perbincangan tentang prinsip asas karma; individu dilahirkan kerana karma masa lalunya, ia adalah tindakan kitaran alam semesta tanpa permulaan mahupun penghujung. Di sini, ia selaras dengan pandangan muktamad ajaran Hinduisme dan Buddhisme bahawa kehidupan adalah sengsara (*samsara*) dan individu perlu membebaskan diri daripada kesengsaraan (Husnul K., Muhammad S. R., 2023). Jadi, hidup adalah satu proses pembelajaran daripada buruk kepada baik untuk kehidupan seterusnya yang lebih baik kerana individu bersifat tidak sempurna. Karma mempunyai persamaan dengan perbahasan kebebasan memilih; manusia mempunyai pilihan dan melakukan tindakan yang baik.

Kesimpulan

Kebanyakan agama memperjuangkan keadilan tuhan melalui perbincangan hubungkait tuhan dan manusia melalui perbahasan konsep takdir. Bagi ajaran Hinduisme dan Buddhisme, karma adalah keputusan dan tindakan mutlak manusia yang tidak terdapat urusan ketentuan daripada tuhan dan pengaruh manusia lain. Ia adalah satu proses untuk membebaskan diri daripada perbuatan yang salah (keinginan) kepada kebaikan. Sesungguhnya, bagi ajaran Buddhisme, karma merupakan satu proses yang merangkumi pembebasan fikiran dan niat sebelum tindakan.

Sebagai contoh, pencegahan menjadi penawar kepada perbuatan karma yang negatif kerana individu tidak membenarkan diri mencetus tindakan negatif dalam keadaan sedar (Phuntsho, 2023). Kedua-dua ajaran percaya individu harus membebaskan diri daripada nafsu dan kejahatan untuk mencapai *nirwana* (ajaran Buddhisme) dan *atman* (ajaran Hinduisme). Tambahan lagi, individu bebas menentukan cara hidup yang boleh mempengaruhi tindakan, dan pemikirannya, di samping kehidupannya sekarang. Falsafah teras karma adalah untuk mendidik dan melatih diri melaksanakan kebaikan kepada dirinya dan orang lain, serta melahirkan warganegara yang baik untuk mewujudkan keseimbangan sosial. Kehidupan harmoni antara individu dan masyarakat akan terus berjalan melalui pelaksanaan karma yang baik.

Sementara itu, Islam telah mencadangkan qadak dan qadar; takdir yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kerana sifat-Nya yang Maha Mengetahui dan keadilan-Nya yang paling sesuai untuk manusia. Manusia dikurniakan kebebasan memilih untuk melaksanakan perbuatan baik atau buruk. Manusia mungkin berfikir bahawa Allah SWT mengawal semua keputusan manusia secara mutlak, tetapi manusia juga dianugerahkan kecerdasan akal fikiran dalam mempengaruhi keputusan. Oleh itu, manusia bebas daripada pengaruh lain untuk membuat keputusan rasional sebagai bukti keadilan Allah SWT. Dengan pengetahuan dan pengalaman manusia, maka manusia boleh melaksanakan kehendaknya. Namun, manusia disifatkan sebagai makhluk yang tidak sempurna, terkadang mengambil keputusan yang salah sehingga membawa kepada akibat yang buruk, Allah SWT dengan rahmat-Nya mengutus para nabi, rasul dan al-Quran untuk memberi petunjuk kepada manusia. Walaupun manusia ditakdirkan oleh ketetapan Allah SWT, ia adalah untuk kebaikan manusia. Apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT adalah peraturan-Nya yang membimbing manusia daripada kemungkaran dan kejahatan kepada diri sendiri dan orang lain. Islam tidak pernah menyamakan qadak dan qadar selari dengan konsep karma kerana ia adalah hasil pluralisme agama yang bertentangan dengan Islam, secara jelas membawa kepada pemikiran syirik kepada Allah SWT.

Rujukan

- Aiman, R. (2022, September 8). AL-AFKAR#129: Hukum karma menurut Islam. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/5411-al-afkar-129-hukum-karma-menurut-islam>
- Bhatia, J. (2019). Hinduism: It's belief in life and death. *St. Andrew's College*. Diambil dari Cardinal-Paul-Poupard-2014-Hinduism-its-belief.pdf (standrewscollege.ac.in)
- Bronkhorst, J. (1998). Did the Buddha believe in karma and rebirth? *Journal of the International Association of Buddhist Studies*, 21(1), 1–19.
- Coomaraswamy, A. K. (1943). *Hinduism and Buddhism*. Golden Elixir Press.
- Finnigan, B. (2022). Karma, moral responsibility and Buddhist ethics. Dalam M. V. Doris (Ed.), *Oxford Handbook of Moral Psychology* (hlm. 7–23). <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780198871712.013.4>
- Ghose, L. (2007). Karma and the possibility of purification. *Journal of Religious Ethics*, 35(2), 259–289.
- Hafiz, M. S., & Khurshid, H. R. (2019). Khalifa Abdul Hakim on the doctrine of free will and predestination, good and evil in Islam. *Bazyaft*, 34, 3–25.
- Husnul, K., & Muhammad, S. R. (2023). Karma in the Hinduism and Buddhism perspective. *Jurnal Ilmiah Ilmu Ushuluddin*, 22(1), 47–55.
- Jain, V. (2020, August). The jurisprudence of dharma in the Hindu epics. *Supremo Amicus*, 5, (05.2021-42228914).
- Khatib, A. K., & Aigerim, D. (2020). A comparative on Buddhism and Hinduism: A critical review. *Journal of Critical Reviews*, 7(5), 2829–2834.
- Legenhausen, H. M. (2021). Dimensions of divine freedom in Islamic theology. *Journal of Philosophical Theological Research*, 23(89), 73–92. <https://doi.org/10.22091/JPTR.2021.7399.2618>
- Lehtonen, T. (2023). Belief in karma: The belief-inducing power of a collection of ideas and practices with long history. *Religions*, 14(52). <https://doi.org/10.3390/rel14010052>
- Loy, D. (1982). Enlightenment in Buddhism and Advaita Vedanta: Are Nirvana and Moksha the same? *International Philosophical Quarterly*, 22(1). <https://doi.org/10.5840/ipq19822217>
- Mark, J. J. (2021, July 22). Four Noble Truths. *World History Encyclopedia*. http://www.worldhistory.org/Four_Noble_Truths/
- Muhammad Noor, I. (1978). *Islamic discipline for the fortification of faith*. Syarikat Huda.
- Paranjpe, A. C. (2013). The concept of dharma: Classical meaning, common misconceptions and implications for psychology. *Psychology and Developing Societies*, 1–20.
- Phuntsho, D. (2023). Cause and effect: A study on the concept of karma in the Buddhist tradition. *Bhutan Journal of Research & Development*, 32–37. <https://doi.org/10.17102/bjrd.rub.12.1.0033>
- Schreuder, H. (2023, March 17). The 5 precepts: Buddhism and morality. *Buddho.org*. <https://buddho.org/buddhism-and-morality-the-five-precepts/>
- Silvestre, R. S. (2017). Karma theory, determinism, fatalism and freedom of will. *Logica Universalis*, 11, 35–60.
- Syed, M. H. (2006). Permasalahan sekitar qada' dan qadar. *AFKAR*, 7, 63–92.
- Thrane, S. (2010). Hindu end of life. *Journal of Hospice and Palliative Nursing*, 12(6), 337–342. <https://doi.org/10.1097/NJH.0b013e3181f2ff11>
- Vlieghe, T. D. (2022–2023). Buddhism and free will: Positions from the contemporary analytical free will debate can be found within early Buddhism [Master's thesis, Ghent University].

- Volunteers Initiative Nepal's (VIN). (2025, May 15). Eightfold Path: Your ultimate guide to Buddhist teachings, meaning, and practice. *Buddhist Monasteries*. <http://www.buddhistmonasteries.org/eightfold-path-guide/>
- Wahib, A. (2023). Faith in qada' and qadar and its implications against Islamic religious education. *Jurnal Paradigma*, 15(2), 167–181. <https://doi.org/10.53961/paradigma.v15i2.68>
- Wallace, B. A. (2011). A Buddhist view of free will beyond determinism and indeterminism. *Journal of Consciousness Studies*, 18(3-4), 217–233.
- Wan Fariza Alyati, W. Z., & Zakaria, (2015). Qadar in classical and modern Islamic discourses: Commending a futuristic perspective. *International Journal of Islamic Thought*, 7.
- Yasien, M. (2006). The concept of predestination and free will in Iqbal and Nursi. *AFKAR*, 7, 93–120.